

Uniknya Sabah: Batik Penambat Hati Negeri di Bawah Bayu

Nurul Sakinah bt Suhailin
Fatin Zahirah bt Rosele
Irwan Kamaruddin Abdul Kadir

**Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

ABSTRAK

Batik merupakan seni warisan kebanggaan Malaysia, lukisan halus di atas kain putih dengan pemilihan corak berdasarkan flora dan fauna menambat hati dan menarik perhatian orang ramai. Di Malaysia, Batik Kelantan dan Terengganu sering meniti dibibir orang ramai kerana penghasilan corak yang kemas dan warna yang cantik. Namun begitu, penyelidikan ini mengambil inisiatif memperkenalkan Batik Sabah yang tidak kurang hebatnya. Motif yang berdasarkan dari dasar laut hingga ke langit, melambangkan identiti dan keunikan setiap suku kaum yang berada di negeri di bawah bayu ini. Penyelidikan ini merungkai perihal asal usul Batik Sabah dan memartabatkan warisan Batik Sabah dengan menyelusuri kaedah keseluruhan pembuatannya.

Kata kunci: *Batik, Warisan, Budaya, Sabah, Malaysia*

ABSTRACT

Batik is one of Malaysia's prideful heritages, from soft drawing on top of white pieces of sheets with the selection of patterns based on the flora and fauna that captivates and attracts the attention of the public. In Malaysia, Batik Kelantan and Terengganu are often on the lips of the public due to the production of neat patterns and beautiful colors. However, this research takes the initiative to introduce Sabah Batik which is no less great. The motif, which is based on the seabed to the sky, symbolizes the identity and uniqueness of each tribe in the land below the wind. This research unravels the origins of Sabah Batik and

dignifies the heritage of Sabah Batik by tracing the overall method of its manufacture.

Keywords: *Batik, Heritage, Culture, Sabah, Malaysia*

PENGENALAN

Kesenian batik adalah salah satu seni dan warisan terunggul di Malaysia. Ini disebabkan seni batik mempunyai tarikannya yang tersendiri sehingga mampu menarik perhatian masyarakat di negara ini bahkan pelancong dari luar negara juga. Menurut sejarah, seni batik ini telah lama bertapak di Malaysia sehingga menjadi warisan seni secara turun-temurun di dalam kelompok masyarakat di negara ini terutamanya dalam masyarakat orang Melayu. Menurut laman web Warisan Batik, pembuatan batik secara tradisional telah ditemui sejak abad ke 15 oleh manusia. Seni batik ini adalah satu jenis kain yang dihasilkan melalui proses menerapkan lilin cair terlebih dahulu dan mencelup warna pada kain tersebut. Akan tetapi, masyarakat zaman lalu ubi kentang telah dijadikan satu alat untuk mengecap corak batik tersebut. Apabila zaman semakin moden penghasilan batik telah pun dipermodenkan dengan menggunakan peralatan yang lebih moden dan canggih.

Pada tahun 1910, seni batik telah diperkenalkan di negara kita khususnya di negeri Kelantan. Perkataan 'batik' ini berasal dari Indonesia dan diambil dari perkataan Jawa 'tik' yang membawa maksud menulis titik-titik atau menitik. Manakala, 'ambatik' pula membawa maksud melukis, mewarna, menulis atau menitik. Mengikut Warisan Batik (n.d) Sejenis batik telah dipanggil dalam alam Melayu iaitu Batik Pelangi dan ianya telah diperkenalkan sejak tahun 1770-an lagi.

Tidak dapat disangkakan lagi, negeri-negeri di Malaysia yang terkenal dengan kesenian batik ini ialah negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang. Akan tetapi, negeri Sabah juga tidak kurang hebatnya dengan kesenian batik ini. Daya tarikan daripada seni batik ini adalah dari motif dan corak yang akan digunakan pada kain kosong yang telah disediakan.

Kepelbagaian motif dan corak yang terdapat di negara ini boleh dijadikan sebagai seni batik yang kreatif dan menarik mata pandangan para pelancong dari dalam dan luar negara. Menurut Zuliskandar Ramli, Mohd Samsudin Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Ros Mahwati Ahmad Zakaria & Mohd Rohaizat Abdul Wahab (2014), identiti Melayu ini dapat digambarkan melalui keunikan batik itu sendiri sehingga bahasa dunia mengiktiraf perkataan batik tersebut dan tidak diubah kepada bahasa asing. Antara motif yang terkenal dalam kesenian batik ialah flora dan fauna. Tambahan lagi, motif abstrak dan geometri juga menjadi kegemaran kepada para pembuat seni batik di negara ini. Bagi negeri Sabah, para pembuat seni batik di negeri itu telah menambahkan unsur lain seperti unsur paku pakis bagi memberi keunikannya tersendiri.

Selain pemilihan motif dan corak yang digunakan untuk menghasilkan sehelai batik, teknik pemrosesannya juga perlu di titik beratkan untuk mendapatkan hasil yang cantik dan berkualiti. Hal ini kerana terdapat beberapa langkah yang perlu diikuti untuk melakukan dan menghasilkan seni batik yang menarik. Perbezaan teknik proses bagi setiap batik yang terdapat di Malaysia juga melambangkan keunikan batik itu sendiri. Dengan kemajuan yang kita miliki hari ini, peralatan dan proses yang diguna pakai juga turut mengalami perubahan, lebih maju dan efektif. Namun, para pembuat batik tegar di negara kita tetap menerapkan teknik tradisional agar keaslian seni batik itu tidak hilang begitu sahaja.

Tidak ketinggalan juga, cara pemilihan kain bagi para pembuat batik juga turut berlainan. Hal ini menyebabkan mempunyai perbezaan kualiti batik antara pembuat batik di negara ini. Menurut Siti Aisyah Amilin dan Muammar Ghaddafi (2018), dari pemilihan kain seperti kain kapas, kain sutera, kain voile dan kain organza sudah memperlihatkan kelainan yang terdapat pada batik ini. Kain batik ini, bukan hanya digunakan dalam pemakaian tradisional malahan ianya sudah dipengaruhi oleh barangan yang kita gunakan dalam kehidupan seharian seperti alas tilam, cadar, baju tidur dan lain-lain lagi.

Akhir sekali, mempelajari seni batik ini adalah satu perkara yang amat membanggakan pada masa kini. Ini membolehkan generasi muda dapat meneruskan seni warisan yang telah diturunkan sejak zaman nenek moyang kita. Untuk mempelajari seni batik ini, individu tersebut perlu memiliki minat

yang mendalam dan mempunyai usaha yang gigih dalam memajukan diri dalam seni batik ini. Kesenian batik ini tidak wajar dipandang rendah kerana nilai keseniannya begitu tinggi sehingga boleh mencapai tahap global.

PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan yang terdapat di dalam kajian ini adalah masyarakat di Sabah tidak menganggap nilai batik itu tinggi dalam warisan dan budaya negeri. Hal ini disebabkan, masyarakat tidak didedahkan dengan ilmu pengetahuan yang cukup dan baik tentang betapa bernilainya batik ini kepada negara. Batik ini boleh mendatangkan banyak kebaikan kepada masyarakat setempat mahupun kepada negara. Dalam permasalahan ini juga, masyarakat mungkin tidak tahu bagaimana untuk menggambarkan keunikan Sabah melalui seni batik ini. Banyak keunikan di Sabah ini boleh dijadikan sebagai rujukan untuk menghasilkan seni batik yang menarik.

Selain itu, ramai masyarakat di Sabah ini tidak mengetahui asal usul kewujudan batik di negeri ini. Ianya perlu dikaji dan diketahui oleh masyarakat agar batik dapat dipelajari dengan cara yang baik dan sesuai. Ini juga dapat mengurangkan tanda tanya masyarakat tentang kewujudan batik di negeri ini.

Permasalahan yang turut timbul dalam kajian ini juga adalah bagaimana cara pemilihan corak/motif yang akan digunakan pada kain kosong tersebut untuk dijadikan sebagai kain batik. Hal ini kerana seni batik ini memerlukan pemikiran yang kreatif dan cerdas untuk menghasilkan corak/motif yang unik dan menarik untuk mendapat perhatian dari masyarakat setempat mahupun pelancong dari dalam dan luar negeri.

Akhir sekali, masyarakat di negeri Sabah juga kurang pengetahuan tentang jenis kain yang digunakan dalam penghasilan batik yang menarik. Selain itu, cara pemilihan kain ini juga perlu diambil kira untuk mendapatkan kain batik yang berkualiti. Hal ini disebabkan kain juga mempengaruhi penghasilan batik yang cantik dan bermutu tinggi.

OBJEKTIF KAJIAN

Untuk merealisasikan penyelidikan ini, terdapat tiga objektif kajian yang perlu dicapai untuk mengetahui tentang batik di Sabah. Objektif pertama yang perlu dicapai adalah mengenalpasti sejarah dan nilai kesenian batik yang terdapat di Sabah. Dalam objektif ini, ingin mengetahui dengan lebih dalam mengenai asal usul kedatangan/kewujudan seni batik ini di Sabah.

Dengan wujudnya seni batik ini di Sabah, pelbagai motif atau corak yang unik dapat direalisasikan oleh para pembuat batik di Sabah. Objektif kedua yang perlu dicapai adalah untuk mengkaji pemilihan motif atau corak mengikut keunikan yang terdapat di Sabah. Ini dapat membantu untuk mengenali motif atau corak yang tidak pernah diketahui oleh masyarakat setempat.

Objektif terakhir yang perlu dicapai dalam merealisasikan penyelidikan ini adalah mengkaji cara pemilihan kain untuk menghasilkan sehelai kain batik yang bermutu tinggi. Tidak dapat dinafikan lagi, cara pemilihan kain ini boleh memberi impak kepada kualiti batik di Sabah.

PERSOALAN KAJIAN

Penyelidikan ini dijalankan kerana permasalahan kajian yang telah timbul mengenai Batik dari negeri di Bawah bayu ini. Persoalan yang pertama adalah apakah sejarah kedatangan seni batik ini ke Sabah? Pengkaji ingin mengetahui apakah asal usul kedatangan seni ini di Sabah dan bagaimana penerimaan dan pandangan masyarakat setempat berkenaan seni batik ini.

Persoalan kedua yang berkaitan dengan penyelidikan ini adalah apakah corak, motif dan warna yang telah digunakan untuk melambangkan batik tersebut datangnya dari negeri di Bawah bayu. Apakah perbezaan yang terdapat pada batik Sabah dengan batik yang terdapat pada negeri Kelantan dan Terengganu. Apa keunikan batik Sabah sehingga mampu mencuri perhatian para pelancong tempatan dan bahkan dari luar negara.

Persoalan yang terakhir adalah bagaimana cara pemilihan kain untuk membuat batik tersebut? Apakah jenis-jenis kain yang selalu digunakan?. Apakah kain yang sesuai untuk menampakkan corak batik tersebut lebih

menarik dan adakah penggunaan kain yang bersesuaian dan berkualiti dapat menghasilkan batik yang bermutu tinggi?

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Terdapat beberapa kepentingan dan sumbangan daripada kajian mengenai kesenian batik di negeri Sabah. Antaranya ialah dapat membantu industri batik di negeri Sabah. Hal ini disebabkan masyarakat setempat kurang mendapat pengetahuan tentang seni batik di negeri ini. Secara tidak langsung masyarakat dapat mengetahui sejarah asal usul seni batik di Sabah. Hasil dari kajian ini sedikit sebanyak boleh membantu mereka dalam memajukan industri seni batik ini.

Selain itu, kajian ini juga dapat membantu mengangkat tradisi suku kaum di Sabah. Seperti yang diketahui, negeri Sabah merupakan antara negeri yang mempunyai pelbagai kaum di Malaysia. Dalam kajian ini, ianya dapat membantu memperkenalkan ciri-ciri sesuatu kaum. Hal ini kerana setiap kaum yang berada di negeri Sabah ini mempunyai keunikannya yang tersendiri sehingga boleh menarik perhatian dari para pelancong. Ciri-ciri dari kaum ini boleh digambarkan melalui lukisan corak yang akan dihasilkan kelak.

Seterusnya, masyarakat setempat juga boleh mengeluarkan idea kreatif dalam menghasilkan seni batik ini. Hal ini kerana kajian ini dijalankan untuk menunjukkan bahawa ramai masyarakat setempat mempunyai pelbagai idea kreatif dan memiliki pelbagai pendapat untuk menghasilkan corak batik yang menarik dari negeri ini. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu masyarakat setempat untuk melakukan inovasi dalam seni batik ini.

Akhir sekali, industri batik negeri Sabah juga dapat melahirkan individu untuk mewarisi seni batik yang terdapat di negeri ini. Dalam kajian ini boleh membantu untuk mengenalpasti potensi masyarakat setempat untuk meneruskan warisan seni batik ini. Hal ini kerana tidak ramai masyarakat setempat tertarik dengan simbol warisan negara ini. Oleh itu, kajian ini juga boleh mencungkil bakat seseorang individu untuk meneruskan warisan seni batik sekaligus dapat meningkatkan nilai seni batik di negeri Sabah ini pada masa akan datang.

TINJAUAN LITERATUR

Menurut kamus dewan bahasa edisi ke-4, batik didefinisikan sebagai kain bercorak yang dilukis atau di celup menggunakan lilin ataupun kain bercorak yang dicetak. Manakalah menurut *Dictionary and scientific technical terms* (1978), batik mempunyai dua kontanasi yang pertama adalah teknik mencorak dalam golongan Teknik resist dan yang kedua adalah kain yang dicorak menggunakan teknik tersebut adalah teknik batik. Menurut Aries S (n.d), perkataan batik adalah daripada perkataan jawa iaitu daripada “amba” yang membawa maksud tulis dan juga “nitik”.

Melalui karya penulisan Erren Jossie Bearen dan Humin Jusilin (2019), konsep batik ini berasal daripada negara Timur dan juga konsep penghasilan batik juga berasal daripada tamadun besar seperti tamadun mesir. Namun begitu terdapat juga penyelidik yang mempunyai pendapat yang berbeza tentang asal kedatangan batik. Ada penyelidik menyatakan bahawa batik berasal dari kepulauan Melayu.

Pembuatan batik sangat terkenal di Kelantan dan Terengganu, batik ini adalah salah satu bidang kraftangan kebanggaan Malaysia. Kaedah tradisional ini telah dijumpai sejak pada abad 15 masihi lagi. Menurut Aries S.(n.d), Masyarakat melayu dulu-dulu menggunakan ubi kayu sebagai alat untuk mencorak dan mengecap, dengan pembangunan semakin moden batik banyak menggunakan mesin untuk mencetak corak di kain tersebut. Berdasarkan Abdullah jumain abu samah (1990), batik menggunakan lilin dan bahan seperti kanji ataupun lumpur yang pekat untuk menghasilkan corak yang ingin dilukis. Batik mempunyai banyak jenis iaitu, batik terap, tulis dan juga skrin, pada zaman moden banyak corak-corak yang baru telah diciptakan. Hasil-hasil batik yang terdapat di Malaysia mempunyai corak yang unik, hal ini menyebabkan batik dijadikan salah satu simbol kepada Malaysia. Hasil batik yang dikeluarkan semuanya bermutu tinggi dan menjadi satu tarikan kepada pelancong asing.

Berdasarkan Bomstart (2019) batik Malaysia dijadikan sebagai salah satu warisan tradisional yang terkenal. Dalam pernyataan blog tersebut batik pertama yang diperkenalkan dalam Malaysia adalah pada tahun 1910 di negeri Kelantan. Tetapi ada juga mempunyai pendapat yang lain, terdapat penyelidik

yang mengatakan bahawa batik yang diperkenalkan di Kelantan lebih awal iaitu pada tahun 1770-an. Batik yang dikenalkan adalah Batik Pelangi dimana batik ini telah berjaya menarik perhatian orang ramai. Kebiasaannya batik di Malaysia lebih tertumpu di negeri pantai timur iaitu negeri Kelantan dan Terengganu.

Tidak ketinggalan juga Borneo khususnya di Sabah juga mempunyai batik tersendiri, batik Sabah mempunyai keunikan dan perbezaan dengan batik-batik yang dihasilkan di Semenanjung Malaysia. Menurut laman sesawang *Sabah Tourism*, kenyataan daripada Mustafa Alba seorang Pengurus Sabah Batik mengatakan bahawa Batik Sabah lebih mempersembahkan penggunaan motif atau corak, flora dan fauna unik bersimbolkan etnik-etnik yang berada di Sabah. Mustafa juga menyatakan bahawa Sabah mempunyai lebih daripada 30 etnik dan juga sub-etnik yang berada di Sabah dan setiap etnik tersebut masing-masing mempunyai keunikan budaya, simbol dan makna yang tersendiri. Bukan itu sahaja, beliau berkata kebanyakan corak yang dihasilkan atau direka dalam batik Sabah ini dipengaruhi dan inspirasi daripada pakaian tradisional setiap kaum di Negeri di-Bawah Bayu ini.

Selain itu, menurut artikel IFLA (2018) telah menyatakan batik Borneo baru sahaja diperkenalkan dalam pasaran lebih kurang dalam 10 tahun yang lalu. Batik yang terdapat di bahagian Borneo lebih tertumpu kepada rekaan motif/corak berdasarkan dari kalangan kaum terkenal yang menetap di Borneo. Keunikan corak/motif yang berdasarkan ciri etnik ini menjadikan batik Borneo unik dan menarik berbanding batik yang lain. Artikel ini juga mengetengahkan keunikan dan keindahan batik Borneo beserta dengan jenisnya. Borneo terdiri daripada Sabah, Sarawak dan barat Kalimantan dan batik ini dikelaskan mengikut tiga tempat ini. Ketiga-tiga tempat ini mempunyai etnik yang hampir sama tetapi yang membezakannya adalah unsur tempatan itu sendiri. Ini menyebabkan perbezaan ketiga-tiga batik tersebut berbeza antara satu sama lain. Sebagai contoh, batik Orang Ulu dari Sarawak. Orang Ulu adalah salah satu suku kaum asli yang menetap di utara Sarawak. Manakala, batik dari Sabah adalah batik Linaudsilad. Batik ini bermotifkan tumbuh-tumbuhan dan juga melambangkan etnik Murut iaitu kaum kedua terbesar di Sabah. Di barat Kalimantan pula mempunyai batik Dayak atau lebih dikenali sebagai batik Pontianak. Rekaan batik ini dipenuhi dengan warna yang terang dan unsur

menarik. Corak yang sering dijumpai di tempat ini adalah corak bercirikan bunga dan ikan Arowana

Berdasarkan akhbar online *The star* (2006), Marjorie Vitales seorang pengusaha batik kelahiran Penampang Sabah, telah menghasilkan batik yang bersimbolkan etnik yang berada di Sabah. Salah satu penghasilan beliau adalah Batik “Tinungkusan” yang membawa maksud warisan. Penghasilan batik ini juga merupakan satu tema dalam menggambarkan identiti suku kaum Kadazandusun, Murut dan Rungus. Beliau juga berkata, batik yang dihasilkan juga mempunyai campuran corak flora dan fauna Sabah. Batik yang dihasilkan ini biasanya digunakan oleh peserta “Unduk Ngadau” atau maksud bahasa melayunya adalah Pertandingan Ratu Cantik yang diadakan semasa menyambut musim “Kaamatan” atau pun musim menuai padi. Selain itu, beliau juga menghasilkan satu batik yang dinamakan sebagai batik “Sumandak” yang membawa maksud gadis. Batik yang dihasilkan tersebut adalah pakaian wanita yang dikeluarkan dalam empat jenis warna iaitu hitam, putih, merah jambu dan hijau.

Dengan teknologi yang kian hari semakin berkembang, penggunaan mesin dalam penghasilan batik tidaklah begitu asing lagi, Sabah telah pun mula berjinak-jinak menggunakan kaedah tekstil pencetakan digital dalam proses penghasilan batik. Berdasarkan *Sabah Tourism*, Chanteek Borneo Sdn. Bhd merupakan satu Syarikat yang telah pun menggunakan tekstil percetakan digital. Batik Sabah yang berunsurkan corak-corak tradisional telah dikatakan menjadi corak yang dipandang eksotik dan bergaya terutamanya di kalangan generasi muda. Chanteek Borneo mengeluarkan koleksi batik yang menekankan dan fokus kepada reka bentuk kontemporari menampilkan identiti budaya Sabah. Penghasilan batik daripada Chanteek Borneo ini adalah dengan menggunakan *Computer Aided Design* dan *Computer Aided Manufacturing (CAD-CAM)* dalam penghasilan merancang dan mereka corak yang diinginkan sebelum memulakan dengan langkah mewarna. Pengasas Chanteek Borneo mengatakan yang motif batik Sabah lebih melambangkan corak berasaskan geometri dan simetri berbanding motif daripada Semenanjung dan Sarawak yang lebih kepada corak bunga-bunga dan organik.

Menurut akhbar Utusan Borneo (2018) telah menyatakan bagi menghasilkan batik yang berkualiti tinggi, pembuat batik perlu menjalankan penyelidikan melalui lawatan lapangan atau kawasan dan juga melebihi pembacaan untuk mendapatkan maklumat tambahan tentang satu corak yang bercirikan keunikan etnik dan budaya. Hal ini kerana, ciri tersebut boleh diterapkan dan dicipta sebagai batik sama ada dari segi lukisan mahupun kainnya. Akhbar ini juga menyatakan bahawa pembatik dari Sabah memiliki kemahiran dalam mengubah warna sehingga menjadi unsur utama dan mampu menghasilkan batik yang memukau para penggemarnya.

Disamping itu, telah menjadi satu isu yang menarik tentang menggambarkan semula imej-imej batik pada kanvas mahupun lukisan yang dihasilkan yang dijadikan sebagai proses batik dalam mengikuti perkembangan seni lukis moden Malaysia telah dinyatakan oleh Harozila Binti Ramli (2007) dalam karyanya 'Batik Painting' Dan 'Painting Batik' Dalam Perkembangan Seni Lukis Moden Malaysia.

Rashid Yusof (2020) telah menulis berkaitan batik di Sinar Harian Online, beliau menyatakan gambarannya sekiranya ahli Parlimen menghadiri sidang Dewan Rakyat di Parlimen dengan menggunakan batik Malaysia dan sekiranya rakyat berbilang kaum bersatu dalam memuliakan batik, ianya membolehkan darjat batik diangkat sebagai platform penyatuan.

Lidah Pengarang (2019) telah menulis tentang memartabatkan nilai batik di Sinar Harian Online, kempen 'Jom Pakai Batik' telah dilaksanakan oleh Kumpulan Media Karangraf sebagai langkah kecil dalam pemakaian baju batik bagi merencanakan semula industri batik negara. Secara tidak langsung, dapat memartabatkan budaya tradisional kita. Beliau juga mengatakan batik merupakan kraftangan unggul di Malaysia dan sifat bangga terhadap batik perlu dipupuk dalam kalangan rakyat.

Terdapat kajian lepas daripada Nik Maziani Binti Long Omar (2014) melalui penulisan pengaplikasian kesan teknik rekahan dan pewarna semulajadi ke atas fabrik gentian asli. Dalam penulisan ini, terdapat permasalahan yang sama yang terdapat dalam penyelidikan ini. Permasalahan tersebut adalah dari segi penggunaan warna yang dihasilkan iaitu penghasilan warna dengan menggunakan alam semula jadi. Tidak dinafikan kebanyakan

orang-orang Sabah menggunakan warna berasaskan bahan semula jadi namun tetapi, bahan tersebut sukar didapati dan proses pembuatan warna tersebut mengambil masa yang agak lama. Hal ini disebabkan, pereka batik di Sabah lebih menggunakan warna yang telah siap.

METODOLOGI

Pendekatan Kajian

Penyelidikan ini menggunakan kaedah tradisi lisan. Kaedah tradisi lisan ini digunakan untuk menceritakan, cerita-cerita rakyat dan juga mengenali lebih mendalam tentang kebudayaan dan warisan di Malaysia. Malaysia mempunyai 13 negeri dan 3 wilayah persekutuan. Setiap negeri mempunyai budaya dan warisan tersendiri. Tambahan lagi Malaysia mempunyai rakyat yang berbilang kaum terutamanya yang berada di Sabah dan Sarawak. Kaedah Tradisi Lisan ini dikehendaki untuk menemu bual tokoh-tokoh dengan cara mengambil rakaman video ataupun audio, tokoh yang dipilih adalah tokoh yang telah lama bergiat dalam bidang kebudayaan dan warisan yang terdapat di Malaysia. Pengalaman yang telah diceritakan akan direkodkan dan disemak menjadi sebuah transkrip dan akan dijadikan sebuah bahan atau sumber utama bagi penyelidikan di masa kelak nanti.

Peserta Kajian

Pemilihan tokoh adalah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan iaitu, tokoh yang dikehendaki adalah berada dalam umur lingkungan 45 tahun keatas dan tokoh tersebut kenalah mempunyai pengalaman dalam bidang kebudayaan dan warisan sekurang-kurangnya 20 tahun keatas.

Tokoh yang dipilih adalah Tuan Rothman A Buntar, beliau merupakan seorang pakar batik di Sabah. Beliau juga merupakan orang pertama yang membawa batik masuk ke Sabah. Umur beliau adalah 72 tahun dan mempunyai pengalaman dalam bidang batik hampir 38 tahun. Beliau mempunyai bengkel dan kedai tersendiri iaitu Rothman Batik Sdn. Bhd yang terletak di Kampung Marabahai, Tuaran Sabah Malaysia. Beliau turut mengadakan kelas pembuatan batik bagi mengajar anak-anak muda di negeri Sabah ini agar warisan batik ini tidak dilupakan oleh anak-anak muda zaman sekarang.

Prosedur Pengumpulan Data

a) Temu bual Tokoh

Kaedah temu bual ini dilakukan bagi mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci dan mendalam mengenai bidang batik. Semua maklumat yang tokoh beritahu merupakan data yang amat penting bagi membantu dalam menjalani penyelidikan ini. Melalui kaedah temu bual ini juga dapat membantu pengkaji memperoleh kefahaman yang lebih mendalam mengenai bidang batik tersebut. Sesi temu bual ini dilakukan secara 2 kali. Sesi yang pertama adalah *preliminary interview* atau bahasa melayunya adalah temubual awal. Tujuan *preliminary interview* ini adalah untuk memastikan bahawa tokoh yang dipilih merupakan calon yang bersesuaian dalam membantu proses penyelidikan ini. Hal ini disebabkan oleh faktor umur tokoh tersebut. Kriteria yang ditetapkan dalam pemilihan tokoh adalah dalam lingkungan 45 tahun keatas dan ianya agak berisiko kerana bimbang tokoh mempunyai daya ingatan yang lemah. Dengan sesi temu bual awal ini dilakukan dapat menilai tokoh tersebut jika bersesuaian ataupun tidak. Bagi sesi kedua temu bual, merupakan temu bual yang sebenar dengan menggunakan soalan-soalan yang berstruktur seperti soalan orientasi, umum dan spesifik, yang berkaitan tentang bidang batik tersebut.

b) Rujukan atas talian

Dalam menjalankan penyelidikan ini, sumber rujukan secara talian telah digunakan sebagai sumber utama dalam mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut dan membantu dalam mempelbagaikan lagi fakta dalam penyelidikan ini. Rujukan atas talian juga mudah dicapai dan diakses dengan menggunakan internet berkelajuan tinggi.

c) Video/Audio

Penggunaan video dan audio juga dijadikan sebagai salah satu sumber untuk mendapatkan maklumat. Memandangkan kaedah kajian yang digunakan adalah kajian tradisi lisan, penggunaan video dan audio merupakan satu kewajipan dan keperluan bagi menjalankan penyelidikan ini dengan sempurna. Rakaman video dan

audio digunakan semasa sesi temu bual yang kedua. Alatan-alatan pelengkap seperti mikrofon, bateri tambahan, pita rakaman (pilihan), dan sebagainya dapat memudahkan untuk menjalani sesi rakaman temu bual. Hasil dari rakaman video dan audio tersebut, kedua-duanya amat membantu dalam menyempurnakan transkripsi temubual untuk penyelidikan ini.

d) Transkripsi teks

Hasil dari rakaman video dan audio tersebut akan dilihat dan didengar semula dan diterjemahkan menjadi satu transkripsi yang lengkap untuk dijadikan sebagai bahan kajian dalam penyelidikan ini. Transkripsi ini akan dijadikan sebagai *primary sources* dalam mendapatkan maklumat yang lengkap dan mengandungi fakta yang benar.

HASIL KAJIAN



Gambar 1: Encik Rothman A Buntar (Pakar Batik Sabah)

Merujuk kepada laman web Alona Batik (2016), sejarah Batik Nusantara datang berkembang dan meluas adalah dari sejak abad ke-17 lagi dan pengaruh ini asalnya daripada selatan India. Tambahannya lagi, dikatakan bahawa pengaruh ini Selatan India ini datang apabila kain tenun diimport daripada Selatan India.

Iman Bachtiar (2020), menyatakan sejarah batik Indonesia dikatakan berkait rapat tentang hubungan antara perkembangan kerajaan Majapahit dan

perluasan kemasukan agama islam di Kepulauan Jawa. Turut dinyatakan dalam akhbar tersebut batik di Indonesia mula berkembang pada zaman Kesultanan Mataram dan ianya berkembang dengan lebih pesat lagi pada zaman Kasunanan Surakarta dan zaman Kesultanan Yogyakarta. Tambahan lagi, orang yang pertama mula membuat batik di Indonesia adalah Nusjirwan Tirtaamidjaja ataupun lebih dikenali Iwan Tirta seorang pereka fesyen yang menggunakan batik khas Indonesia sehingga terkenal di seluruh negara.

Berdasarkan Abdullah Jumain Abu Samah (1990) dan laman web produk penjara (2016) sejarah kedatangan batik Malaysia pula, bermula pada abad ke-15. Pada 1910 Kelantan merupakan negeri yang pertama diperkenalkan seni batik ini. Batik ini adalah di bawah pengaruh oleh Kepulauan Jawa. Batik yang terdapat di Semenanjung Malaysia terdapat batik yang terkenal iaitu Batik Pelangi yang telah diperkenalkan sejak dari tahun 1770-an lagi. Terdapat dua Negeri yang memang terkenal dalam bidang seni batik ini iaitu negeri Kelantan dan Terengganu, negeri-negeri ini memang terkenal dalam pengeluaran seni batik ini.

Manakala, menurut Encik Rothman A Buntar tentang sejarah kedatangan seni batik di negeri Sabah, beliau menyatakan bahawa individu yang pertama membawa masuk dan memperkenalkan bidang batik ini kepada masyarakat setempat adalah beliau sendiri. Menjelang tahun 1989 setelah beliau berhijrah semula ke negeri asalnya iaitu Sabah dan mula memulakan langkah untuk memperkenalkan bidang batik kepada rakyat Sabah. Selama 8 tahun beliau berada di negeri orang tanpa mendapat pembelajaran secara formal dalam bidang batik ini, beliau hanya menggunakan teknik pemerhatian sahaja.

Walaupun hanya menggunakan teknik pemerhatian beliau telah berjaya mengumpul ilmu yang mencukupi untuk mula berjinak-jinak menghasilkan batik apabila pulang ke negeri asal beliau. Perjalanan dalam pembuatan dan memperkenalkan batik kepada rakyat Sabah tidak semudah yang disangka kan. Penerimaan batik pada mulanya dipandang serong dan ditolak oleh jabatan negeri atas sebab bahan yang digunakan dalam penghasilan batik terutamanya kandungan yang digunakan dalam pembuatan warna mempunyai bahan kimia yang tinggi dan kimia tersebut boleh menyebabkan kesihatan masyarakat setempat terjejas.

Setelah berdebat dan membuktikan bahawa kandungan dalam bahan pembuatan batik tersebut adalah selamat digunakan, akhirnya beliau berjaya mendapatkan persetujuan jabatan negeri untuk meluluskan lesen pembuatan batik. Hasil daripada ini, telah perlahan-lahan membuka pandangan rakyat Sabah dalam bidang batik.



Gambar 2: corak batik

Setiap negeri mempunyai nilai batik tersendiri, begitu juga dengan batik yang dihasilkan oleh negeri Sabah. Menurut Azizul Abd Kadir salah seorang pereka batik Sabah, beliau berkata corak batik Sabah mempunyai pelbagai motif corak dan ukiran tersendiri berdasarkan 35 etnik yang berada di Sabah. Azizul Abd Kadir juga menyatakan dari dasar laut hingga ke langit merupakan motif akan tetapi yang membuatkan corak Sabah menonjol adalah meletakkan warna dan identiti Sabah. Setiap corak yang dihasilkan mengikut suku kaum mempunyai maksud yang tersendiri. Kebiasaan corak baik Sabah lebih menggunakan corak-corak flora dan fauna dimana corak ini akan digabungkan dengan corak geometri atau abstrak. Corak yang digunakan akan diselaraskan dengan warna identiti setiap suku kaum di Sabah.

Dari segi pewarnaan dalam batik Sabah, para pembuat batik tegar mempunyai dua pilihan sama ada menggunakan pewarna semula jadi atau pewarna yang moden/mempunyai bahan kimia. Namun begitu, kebanyakan daripada mereka menggunakan pewarna yang moden untuk menghasilkan batik tersebut. Bagi Encik Rothman, beliau hanya menggunakan air dan

serbuk untuk menghasilkan kain batiknya sendiri. Beliau juga menyatakan warna pada batik bergantung kepada kepekatan serbuk yang telah ditetapkan. Batik juga mempunyai pelbagai warna untuk digunakan dalam proses penghasilan batik yang sempurna.

Dalam konteks ini, terdapat juga warna yang tidak berkualiti bagi penghasilan seni batik. Ini boleh mempengaruhi kualiti batik untuk dipasarkan kepada masyarakat ataupun para pelancong. Warna-warna ini boleh diperolehi daripada Taiwan, India, Korea ataupun Jerman. Di antara setiap negara ini, Jerman mempunyai warna yang berkualiti untuk digunakan dalam menghasilkan seni batik ini. Para pembuat batik perlu mahir dalam membezakan warna-warna tersebut.

Bagi negeri Sabah pula, menurut Erren Jossie dan Humin Jusilin (2019), penghasilan warna untuk seni batik ini mempunyai caranya yang tersendiri memandangkan masyarakat negeri ini lebih memilih menghasilkan warna berasaskan alam semula jadi dan mengikut kaum etnik yang terdapat di Sabah. Hal ini menyebabkan setiap warna yang dihasilkan mempunyai kualiti dan keunikannya yang tersendiri. Menurut Erren Jossie dan Humin Jusilin (2019) penghasilan warna bersumberkan dari alam semula jadi kerana ianya mudah diperolehi dari kawasan persekitaran bagi warna tradisi di Sabah. Ianya boleh di lihat dalam penggunaan bahan dalam menghasilkan warna hitam, beberapa suku kaum di Sabah mempunyai kaedah yang hampir sama contohnya, suku kaum Murut iaitu dari daerah Nabawan dan Tenom manakala, Rungus dari daerah Kudat menggunakan arang dan daun tahun atau nama lainnya daun indalupis. Manakala bagi kaum Dusun terutamanya di daerah Keningau, Ranau dan Kota Belud menggunakan daun keladi sebagai bahan penghasilan warna hitam. Turut dinyatakan bahawa warna dominan yang biasa digunakan dalam batik Sabah adalah warna merah. Warna merah ini selalu digunakan oleh suku kaum Murut dan Rungus. Hal ini disebabkan, warna merah tersebut bagi pandangan suku kaum Murut dan Rungus melambangkan kegagahan dan keberanian kepada si pemakai.

Menurut Encik Rothman lagi, kebanyakan para pembuat batik di Malaysia lebih menyukai warna-warna yang lembut berbanding yang terang dan menyerlah. Walau bagaimanapun, warna terang dan menyerlah menjadi pilihan untuk menghasilkan seni batik yang menarik dan bercita rasa tinggi.



Gambar 3: Warna yang digunakan dalam pembuatan batik.

Pemilihan kain juga amat penting bagi menghasilkan batik yang bermutu tinggi. Ini mempengaruhi daya tarikan dari para pelancong dari dalam dan luar negara. Menurut Encik Rothman kain batik asli hanya boleh didapati melalui pasaran Jepun. Beliau menjelaskan bahawa kualiti kain daripada negara tersebut mempunyai mutu yang tinggi dan terbaik.

Terdapat juga cara mengenali kain tersebut, tulen ataupun tidak. Caranya adalah dengan hanya membakar sedikit tepi kain tersebut dan lihat bagaimana hasilnya, jika hasil dari pembakaran kecil tersebut membentuk gelembung kecil yang keras. Ini bermaksud kain tersebut adalah kain yang tidak mempunyai ketulenannya. Begitu juga sebaliknya, sekiranya hasil dari pembakaran kecil itu hanya menghasilkan abu-abu, itu bermakna kain tersebut mempunyai ketulenannya sendiri.

Seperti yang diketahui, setiap penghasilan batik berdasarkan kain yang telah dipilih untuk dihasilkan corak di atasnya. Terdapat beberapa jenis kain bagi batik di negeri Sabah. Antaranya, kain satin nipis, visco A, visco B dan crepe sentong. Ini adalah jenis kain yang digunakan oleh Encik Rothman dalam menghasilkan batik Sabah yang berkualiti tinggi. Ini juga merupakan tarikan pada para pelancong untuk membeli dan menggunakan kain batik Sabah ini.

Dalam pemilihan kain ini, ramai pembuat tegar batik lebih mengesyorkan pengguna kain kapas dalam penghasilan kain batik untuk dipakai dalam pemakaian seharian kita. Penggunaan kain kapas lebih serap

peluh dan memberi keselesaan kepada si pemakai batik. Mengikut BahanKain.com (2019), tahap keselesaan pada suatu kain batik itu menjadi punca utama individu untuk membeli dan dijadikan sebagai pakaian. Namun, penghasilan kain batik akan menjadi lebih berkualiti tinggi dan sempurna dengan pemilihan kain jenis bermutu tinggi seperti sutera. Kebanyakan kain sutera ini hanya digunakan untuk pakaian istimewa seperti dalam acara besar, pesta dan sebagainya.

Akhir sekali, dalam proses pemilihan kain ini juga, pembuat batik dalam dan luar negara juga perlu menitik beratkan keselesaan kain untuk si pemakai. Mengikut laman web Batik Bagus (2018), cara untuk menentukan kain tersebut sesuai dengan diri kita adalah dengan melekatkan kain tersebut pada kulit kita. Sekiranya kita berasa sejuk dan selesa terhadap kain tersebut bermakna kain itu mempunyai kualiti yang tinggi dan bagus. Jika rasa sebaliknya bermakna kain tersebut mempunyai kualiti yang rendah dan kurang sesuai digunakan dalam penghasilan kain batik. Oleh itu, batik berkualiti dan bagus bergantung pada pemilihan kain yang sempurna.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian penyelidikan ini mampu untuk memenuhi rasa ingin tahu tentang sejarah batik yang terdapat di Malaysia, lebih-lebih lagi sejarah batik di negeri di bawah bayu ini. Melalui pemilihan corak atau motif ini turut memperkenalkan keunikan yang terdapat di negeri ini sama ada dari segi lambang suatu kaum mahupun dari alam semula jadinya.

Dengan mengikuti teknik yang sebetulnya, ianya dapat menghasilkan kain batik yang menarik sekaligus yang bermutu tinggi. Hal ini kerana teknik-teknik pemilihan tersebut merupakan kunci utama dalam proses penghasilan batik di negeri ini. Sekiranya batik yang dihasilkan mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan masyarakat setempat mahupun pelacong luar negara, ini menandakan batik negeri Sabah telah mempunyai nilai dalam kalangan masyarakat setempat.

Dengan pencapaian ini, batik Sabah akan dipandang tinggi oleh masyarakat secara tidak langsung ianya boleh menjadi salah satu simbol yang terdapat pada negeri ini. Hal ini kerana Sabah mempunyai unsur-unsur yang

unik dan menarik untuk dijadikan sebagai seni didalam karya batik negeri di Bawah bayu ini.

Akhir sekali, seni batik ini perlu dijaga dan dipelihara sebaik mungkin agar nilai yang terdapat pada batik ini tidak hilang begitu sahaja. Tambahan juga, dalam meneruskan seni batik ini, individu tersebut hanya perlukan kreativiti, usaha dan minat yang mendalam dalam perkara ini. Oleh itu, pihak yang berkenaan perlu mengambil langkah efektif dalam memelihara segala rekod berkaitan seni batik agar masyarakat dalam negeri ini dapat memartabatkan nilainya di masa akan datang.

RUJUKAN

- (n.d.). Kamus Bahasa Melayu: Batik. Retrieved November 13, 2020, from <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=batik>
- ABDULLAH JUMAIN ABDUL SAMAH (Universiti Kebangsaan Malaysia, J. (n.d.). Batik: Sejarah dan Keistimewaan Tekniknya. Retrieved November 14, 2020, from <http://ejournals.ukm.my/akademika/article/view/3551>
- Alona Batik. (2016, August 3). Sejarah batik nusantara. Retrieved January 14, 2021, from <http://alonabatik.com/berita/detail/sejarah-batik-nusantara-28805.html>
- Aries, S. (n.d.). ASAL USUL BATIK DI MALAYSIA. Retrieved November 13, 2020, from https://www.academia.edu/17514520/ASAL_USUL_BATIK_DI_MALAYSIA
- Bachtiar, I. (2020, October 02). Sejarah Batik dan Orang Pertama yang Memperkenalkannya. Retrieved January 14, 2021, from <https://www.minews.id/kisah/sejarah-batik-dan-orang-pertama-yang-memperkenalkannya>
- Baeren, E. J., & Jusilin, H. (2019). Exploration Natural Batik Color In Context Of Color Ethnic Tradition In Sabah. *International Journal of Creative Industries*, 1(2), 01-17. doi:10.35631/ijcrei.12001
- Bahan Kain (2021, January 03). Cara Memilih Batik Berkualitas. Retrieved January 14, 2021, from <https://www.bahankain.com/2019/05/22/cara-memilih-batik-berkualitas>
- Batik Sabah: A trend and pride. (n.d.). Retrieved February 06, 2021, from <http://www.sabahtourism.com/article/batik-sabah-a-trend-and-pride/>

- Bomstart. (2019, August 15). Batik Malaysia: Warisan Budaya Terunggul. Retrieved January 9, 2021, from <https://www.omarali.com.my/batik-malaysia/>
- Jawi, P. (2018, August 8). Wear the past in the present for the future. Retrieved February 06, 2021, from <http://library.ifla.org/2271/1/142-jawi-en.pdf>
- MOTIF DAN SEJARAH BATIK DI MALAYSIA. (n.d.). Retrieved January 14, 2021, from <http://tempahan.prison.gov.my/tempahan/?p=2783>
- Nilai tinggi batik Sabah. (n.d.). Retrieved January 9, 2021, from <https://niagainfo.blogspot.com/2014/03/nilai-tinggi-batik-sabah.html>
- Pengarang, L. (2019, September 12). Seni batik ibarat mutiara berharga. Retrieved January 10, 2021, from <https://www.sinarharian.com.my/article/47547/SUARA-SINAR/Lidah-Pengarang/Seni-batik-ibarat-mutiara-berharga>
- Ramli, H. (2007). *'Batik Painting' Dan 'Painting Batik' Dalam Perkembangan Seni Lukis Moden Malaysia* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- The Star Online. (2019, July 29). Batik that reflects Sabah's ethnic arts. Retrieved February 06, 2021, from <https://www.thestar.com.my/news/community/2006/07/24/batik-that-reflects-sabahs-ethnic-arts/>
- Utusan Borneo (2018, September 16). Pressreader.com - your favorite newspapers and magazines. Retrieved February 06, 2021, from <https://www.pressreader.com/malaysia/utusan-borneo-sabah/20180916/281908774048538>
- Warisan Batik. (n.d.). Retrieved November 14, 2020, from <https://warisanbatik.weebly.com/>
- Yusof, R. (2020, August 30). Batik dan perjalanan kreatif Malaysia. Retrieved January 10, 2021, from <https://www.sinarharian.com.my/article/98901/KHAS/Pendapat/Batik-dan-perjalanan-kreatif-Malaysia> news